SDCD/DCPCD 01032016

# KISAH KEJAYAAN SUKU TAHUN KEEMPAT 2016
# PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KG ULU SEPERI

**Types of Success Story** *(please tick (√) one)*

- ☑ Keusahawanan
- ☐ Celik ICT / Komuniti Pintar

**Service Provider** *(please tick (√) one)*

- ☑ Telekom Malaysia (TM)
- ☐ Celcom
- ☐ Maxis
- ☐ Digi
- ☐ Packet 1 (P1)
- ☐ Time
- ☐ Redtone
- ☐ Danawa

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Maklumat PI1M</td><td>
<table>
<tr><td>Nama PI1M</td><td colspan="3">PI1M KG ULU SEPERI</td></tr>
<tr><td>Nama Pengurus</td><td>NUR FARAZIAH BT MD JAMIL</td><td>No. Telefon</td><td>0129805760</td></tr>
<tr><td>Nama Penolong Pengurus</td><td>NURFAIZZIN BINTI MUSA</td><td>No. Telefon</td><td>0136127674</td></tr>
<tr><td>Email</td><td colspan="3">uluspri@pi1m.com.my</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Lokasi</td><td>
<table>
<tr><td>Daerah</td><td>JELEBU</td><td>DUN</td><td>CHENNAH</td></tr>
<tr><td>Mukim</td><td>GELAMI LEMI</td><td>Parlimen</td><td>P.126-JELEBU</td></tr>
<tr><td>Negeri</td><td>NEGERI SEMBILAN</td><td></td><td></td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Maklumat Individu/ Organisasi</td><td>

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Nama** | *MOHAMMAD SHAHRIL BIN MOHD SAMSI* | **Umur** | *27 TAHUN* |
| **Email** | *Shahril4486@yahoo.com* | **No. Telefon** | *010-5241779* |
| **Alamat** | *N0 40 FELDA TITI 71600 KUALA KLAWANG JELEBU NEGERI SEMBILAN* | **Tahun menjadi Ahli PI1M** | *21 APRIL 2015* |

</td></tr>
<tr><td>Bentuk perniagaan</td><td>Usahawan yang mengusahakan kedai makan Sup Warisan Omak Den</td></tr>
<tr><td>Kisah kejayaan</td><td>

**Latar belakang**

*Saya mula menjadi ahli Pi1M Ulu Sepri pada 21 April 2015. Jarak di antara Pi1M dengan rumah saya tidak melebihi 4 kilometer, maka mudah bagi saya untuk berkunjung ke Pusat Internet 1Malaysia Ulu Sepri ini jika terdapat kelapangan pada hari biasa atau pada hujung minggu.*

*Sebelum saya mengusahakan Sup Warisan Omak Den ini saya merupakan pekerja di Gedung Makanan Negara (GMN) iaitu di projek ternakan bebiri, ikan tilapia merah dan juga lembu. Sup Warisan ini merupakan perniagaan saya yang keempat selepas membuka kolam memancing ikan di Felda Titi. Selain itu, saya juga pernah menceburi bidang perniagaan yang lain iaitu menjual barang basah, ikan bakar dan sekarang saya hanya fokus pada satu perniagaan sahaja iaitu Sup Warisan Omak Den yang mula beroperasi pada pertengahan Mei 2016. Saya memilih untuk membuka kedai sup gearbox sebagai menu utama kerana saya inginkan kelainan dan seperti yang kita sedia maklum sup gearbox ini jarang dijumpai dan lain dari makanan yang terdapat di kedai biasa.*

**Sebelum penggunaan ICT/ penglibatan PI1M**

*Setelah berkunjung ke Pi1M Ulu Sepri dan mendaftar sebagai ahli saya mendapati petugas di sini dapat membantu saya dalam penggunaan komputer dan internet atau dalam kata lain terdapat kelas berkaitan teknologi maklumat yang dijalankan secara percuma bagi penduduk setempat. Oleh itu, saya berhasrat untuk berkunjung ke Pi1M bagi mengikuti pembelajaran yang diadakan secara percuma. Hal ini demikian kerana, saya ingin belajar dan menimba ilmu mengenai cara-cara pemasaran yang dapat*

</td></tr>
</table>

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| | *menarik lebih ramai pelanggan datang ke kedai Sup Warisan Omak Den ini. Secara tidak langsung ini akan membantu meningkatkan hasil jualan saya setiap hari.*<br><br>**<u>Selepas penggunaan ICT/ penglibatan PI1M</u>**<br><br>*Setelah berkunjung ke Pi1M dan mengikuti kelas yang dijalankan, saya mendapati bahawa pengetahuan saya terhadap komputer dan teknologi maklumat semakin baik. Lantaran kekangan masa dan tugas sebagai seorang peniaga, walaupun saya kurang kerap datang ke Pi1M namun saya tetap mendapatkan nasihat daripada petugas melalui aplikasi Whatsapp. Dengan pengetahuan tambahan yang saya dapat melalui kelas keusahawanan, saya kini boleh berdikari sendiri di rumah dengan menggunakan komputer riba saya. Namun demikian saya masih lagi mendapatkan khidmat nasihat serta panduan daripada petugas Pi1M.*<br><br>*Selain itu, saya juga telah mempunyai Facebook Page saya sendiri bagi mempromosikan Kedai Sup Warisan Omak Den ini. Saya menguruskan page "SUP warisan OMAK DEN di facebook. Pelanggan saya akan bertanyakan mengenai waktu operasi dan menu melalui Facebook atau terus melalui aplikasi Whatsapp. Saya juga diajar oleh petugas Pi1M untuk membuat iklan/promosi di facebook page Anak-anak Jelebu, hal ini kerana penduduk setempat dapat mengetahui tentang kewujudan kedai sup warisan ini. Hasil jualan sebelum melakukan promosi di media sosial adalah tidak begitu memberangsangkan dan kurang mendapat sambutan daripada orang ramai. Namun demikian, dengan adanya promosi di media sosial ini saya lebih mudah untuk mengiklankan perniagaan saya iaitu seperti memperkenalkan menu baru. Secara tidak langsung, hasil jualan meningkat dengan agak mendadak iaitu jualan sup sahaja sehari boleh mencecah RM350 manakala pendapatan kasar sebulan mencecah RM8400.* |
| **Penggunaan PI1M** | **<u>Apa yang dipelajari melalui PI1M</u>**<br><br>- *Mempelajari cara-cara untuk membuat page perniagaan di facebook*<br>- *Mempelajari cara membuat pemasaran online melalui facebook page iaitu belajar memuat turun gambar ke dalam akaun facebook page.*<br>- *Mempelajari menggunakan aplikasi media baru yang terkini masa kini iaitu Instagram*<br>- *Strategi pencarian pelanggan yang berpotensi*<br>- *Strategi membuat "posting" status, cara-cara penggunaan photo editor seperti* |

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|

*Photoscape, Microsoft Publisher 2010 dan Paint.*

**Bagaimana PI1M membantu perkembangan perniagaan/ peningkatan tahap kemahiran ICT**

- *PI1M membantu mempromosikan kedai makan Sup Warisan Omak Den dengan menggunakan laman sosial seperti facebook page dan Instagram*
- *Memberi kelas tambahan dengan kerap lagi terutama cara pemasaran yang lebih menarik lagi.*
- *Kedai makan Sup Warisan Omak Den lebih dikenali selepas membuat promosi di facebook page.*
- *Pi1M membantu mempromosikan kedai makan Sup Warisan Omak Den dengan mempromosikan di facebook page Menarik Di Jelebu*

**Online Platform**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Laman Web** | - | **Blog** | - |
| **FB** | *Mohamad Shahril* | **Instagram** | - |
| **Whatsapp** | *010-5241779* | | |

**Gambar & Keterangan**

i) Bengkel Latihan ICT/ Keusahawan yang dihadiri





Caption : Peserta sedang belajar membuat facebook page perniagaan

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|







Caption : Peserta sedang belajar mengedit gambar menggunakan aplikasi Microsoft Publisher 2010






Caption : Peserta sedang membuat akaun Instagram

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|

ii) Produk / Hasil Transformasi







Caption : Antara menu yang terdapat di kedai Sup Warisan Omak Den

iii) Promosi di Media Sosial







Caption :Di antara iklan promosi yang diupload di page facebook

| ITEM JENIS | MAKLUMAT |
|---|---|
| **Maklumbalas** | ***Maklumbalas terhadap latihan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PI1M*** *Pengurus/ Penolong Pengurus Pi1M banyak membantu dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ICT. Bimbingan mengenai keusahawanan tersebut perlu ditingkatkan dan aktiviti promosi perlu lebih giat lagi. Dengan adanya bantuan dan tunjuk ajar yang berterusan daripada pihak Pi1M Ulu Sepri ini, saya berharap dapat menaiktaraf kedai Sup Warisan Omak Den ini menjadi sebuah kedai yang lebih besar dan selesa pada masa hadapan.* |